

# EPU lulus bina sekolah berasrama penuh pelajar Permata Insan

KUALA LANGAT 21 Nov. - Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri telah meluluskan pembinaan sebuah sekolah berasrama penuh di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai, Negeri Sembilan yang dikhaskan untuk para pelajar program Permata Insan melanjutkan pelajaran.

Isteri Perdana Menteri yang juga Penaung Program Permata Negara, Datin Seri Rosmah Mansor berkata, sekolah berasrama penuh yang akan dibina di dalam kawasan kampus USIM dalam masa terdekat itu boleh memuatkan kira-kira 250 orang pelajar dalam satu-satu masa.

Beliau berkata, dengan adanya sekolah berkenaan, para pelajar program Permata Insan akan dapat memberikan lebih fokus untuk menjadi individu yang membesar secara holistik, cergas minda, kreatif dan berkeyakinan tinggi selain mendapat suasana belajar yang selesa.

"Bagaimanapun, peruntukan pembinaan sekolah berkenaan belum diputuskan lagi memandangkan perkara itu memerlukan perbincangan melibatkan banyak pihak termasuk Kementerian Pelajaran.

"Pembinaan sekolah tersebut dibaratkan sebagai bonus kepada program Permata Insan yang kini telah berjaya memperlihatkan prestasi pelajar yang cemerlang dalam bidang ilmu yang diterap kepada mereka," katanya ketika berucap pada majlis lawatan kerja ke



**ROSMAH** Mansor tertarik dengan aksi robot yang dipersembahkan oleh anak-anak yang mengikuti kem Permata Insan di Sekolah Menengah Sains Banting, Selangor, semalam.

Kem Permata Insan di Sekolah Menengah Sains Banting di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengerusi Lembaga Pengarah USIM, Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Abdul Shukur Husin; Naib Canselor USIM, Datuk Dr. Muhamad Muda dan Pengarah Akademi Permata Insan, Datuk Dr.

Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim.

Program Permata Insan ditubuhkan di bawah Program Permata Negara bagi melahirkan bakal ilmuwan Islam yang agung berteraskan al-Quran dan Sunah khusus kepada anak-anak beragama Islam berumur lapan tahun yang mempunyai tahap IQ tinggi dan kecenderungan

dalam agama.

Menurut Rosmah, sejak dilancarkan tiga tahun lalu, bilangan pelajar yang menyertai Kem Permata Insan mencecah seramai 130 orang melibatkan pelajar berumur antara lapan hingga 10 tahun.

Beliau turut berharap program tersebut dapat meneruskan kece-

merlangannya dengan melalui kejayaan pelajar-pelajar yang dibimbing menerusi pendekatan al-Quran dan Sunah.

"Kejayaan program ini bagaimanapun tidak hanya bergantung kepada pelajar tetapi juga sokongan semua pihak terutamanya para ibu bapa dan guru-guru dalam memastikan anak-anak mampu mengikuti program yang direncanakan," katanya.

"Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada para ibu bapa kerana memberi kepercayaan kepada kami untuk mendidik anak-anak mereka melalui program Permata Insan, kepercayaan anda memberi pengertian yang sungguh bermakna kepada kami," katanya.

Dalam pada itu, Penyelaras Program Permata Insan, Dr. Mohd. Rushdan Mohd. Jailani memberitahu, proses pemilihan kemasukan ke program tersebut sama dengan Permata Pintar yang mana pelajar akan menduduki ujian yang dibina oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) iaitu Ujian Kecerdasan Minda (UKM-1) bagi saringan pertama.

"Selepas itu, pelajar akan menduduki peringkat saringan kedua UKM-2 sebelum mereka yang berjaya perlu menduduki ujian USIM-1 iaitu ujian kecenderungan agama menggunakan kaedah ujian bertulis dan sesi temu duga antara pelajar dan ibu bapa kerana program ini memerlukan sokongan daripada ibu bapa," katanya.